

Mengikuti perkembangan semasa —

Perlembagaan

Umno boleh diubah: PM

Oleh MOHD NOH SENAN

KUALA LUMPUR: Perlembagaan Umno boleh dipinda mengikut kehendak perkembangan semasa, tetapi masih berasaskan kepada perlembagaan asal, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sehingga ini perlembagaan Umno sudah dipinda hampir 10 kali dan diterima oleh ahli tanpa menimbulkan sebarang kekecohan.

"Oleh itu perlembagaan asal yang mana yang kita hendak ikuti dan inilah yang hendak kita tahu," katanya mengulas mengenai saranan golongan tertentu supaya Umno menggunakan perlembagaan asal Umno.

Terima pindaan

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam, beliau berkata perlembagaan parti bukan seperti al-Quran yang tidak boleh dipinda.

"Tetapi perlembagaan parti dibuat oleh kita sendiri dan oleh itu kita boleh memindanya sesuai dengan keadaan," katanya.

Beliau berkata perlembagaan Umno dipinda ketika Datuk Onn Jaafar menja-

di pemimpin parti itu sehingga zaman Tunku Abdul Rahman.

Menurutnya, pada 1972, Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman membuat pindaan radikal terhadap perlembagaan parti supaya pemilihan pucuk pimpinan diadakan tiga tahun sekali, dua tahun bagi peringkat bahagian dan setiap tahun bagi cawangan.

"Kita terima perubahan itu dan tidak ada yang meminta supaya kita ikut perlembagaan 1946," katanya.

Malah, katanya, ahli parti menerima pindaan yang dibuat untuk memberi kuasa kepada presiden bagi melantik setiausaha, bendahari, ketua penerangan dan lima ahli jawatankuasa tambahan, walaupun kuasa yang diberikan itu dianggap akan memperkuatkan kedudukan presiden.

"Oleh itu, walaupun kita sudah beberapa kali meminda perlembagaan parti, ini tidak bermakna ia bukan perlembagaan Umno. Perlembagaan sekarang ialah perlembagaan Umno," katanya.

Perdana Menteri berkata MT turut membincangkan masalah yang dihadapi oleh parti, termasuk soal mereka

yang disahkan muflis yang menjadi pemimpin parti.

"Ada dua atau tiga bahagian yang menghadapi masalah seperti itu dan diminta supaya mengadakan persidangan perwakilan semula," katanya tanpa menyebut bahagian terbabit.

Beliau berkata bahagian yang belum mengadakan persidangan perwakilan hendaklah berbuat demikian sebelum Perhimpunan Agung Umno bulan depan.

Mengenai peraturan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) yang tidak membenarkan parti politik mengambil bahagian dalam pendaftaran pengundi, beliau berkata Umno akan mematuhi peraturan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata ada di kalangan pengundi mendapati nama mereka tercicir dalam senarai daftar pemilih apabila pilihanraya diadakan seperti yang dialami dulu oleh bekas Yang Dipertua Pas, Datuk Mohd Asri Muda.

Mengenai pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Besar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Barisan Nasional sedang membuat persiapan dan yakin kerusi kawasan itu akan dapat dikekalkan.